

BERITA HARIAN

DATE: 11/3/2008

Kepemimpinan Abdullah diperlukan

Oleh Misiah Taib,
Hanneeyzah Bariah Baharin
dan Khairunnisa Kamarudin

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, terus mendapat sokongan daripada pelbagai pihak, termasuk pemimpin Umno untuk menerajui Barisan Nasional (BN) dan negara.

Mereka berikrar untuk berdiri teguh bersama Abdullah dalam menghadapi apa saja cabaran untuk membetulkan kelemahan yang dikenal pasti berikutan kegagalan mendapat majoriti dua pertiga dan kekalahan lima negeri kepada pembangkang dalam pilihan raya umum, Sabtu lalu.

Di KUALA TERENGGANU, Badan Perhubungan Umno negeri menyokong penuh kepemimpinan Abdullah untuk terus memimpin parti dan negara sebagai Perdana Menteri.

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata rakyat Terengganu sudah memberi mandat dua pertiga majoriti kepada BN negeri dan ia membuktikan sokongan rakyat kepada parti serta Pengerusi BN

Di KUCHING, Pergerakan Puteri Umno menetapkan pendirian dan mengulangi ikrar untuk terus berdiri teguh serta menyokong penuh kepemimpinan Abdullah dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Ketuanya, Datuk Noraini Ahmad, berkata pergerakan itu juga berikrar untuk meneruskan kerja pada semua peringkat bagi memastikan Umno terus dihormati dan disegani semua.

"Sekarang bukanlah masanya untuk berpecah dan menuding jari kepada mana-mana pihak sekalipun sebagai punca kekalahan BN di lima negeri, selain prestasi agak menurun di beberapa negeri.

"Apa yang lebih penting, BN masih diberi kepercayaan oleh rakyat Malaysia untuk menerajui negara dengan

Abdullah sebagai Perdana Menteri.

"Kekalahan kita di beberapa negeri seharusnya menyuntik semangat untuk kita memperkukuhkan lagi perpaduan dalam parti dan sama-sama bergabung tenaga mencari punca dalaman serta luaran mengenai mengapa kita boleh kalah di negeri terbabit, seterusnya meneruskan kerja bagi menjamin keutuhan parti," katanya.

Sementara itu, Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) juga menyatakan sokongan kepada Abdullah untuk menerajui BN dan negara.

Presiden LDP, Datuk VK Liew, berkata parti itu akan terus setia kepada pemimpin BN seperti yang dilakukannya sejak diterima menyertai gabungan berkenaan pada 1992.

"LDP berdiri teguh di sisi BN pada masa susah dan senang sejak mula lagi dan kami sudah pun membuktikan kemampuan kami dalam pilihan raya ini dan LDP mendapat

sokongan meluas daripada rakyat.

"Mungkin wajar untuk memberikan pertimbangan kepada pemenang kita yang mempunyai kelayakan untuk berada dalam Kabinet negeri dan persekutuan," katanya.

Sementara itu, Presiden PBRS, Tan Sri Joseph Kurup, berkata Abdullah berjaya mengharumkan nama negara, terutama dalam komitmen beliau untuk membasmi kemiskinan di luar bandar.

"Kami dalam PBRS dan selaku anggota BN ingin menegaskan bahawa kami akan bersama Perdana Menteri dan menawarkan khidmat kami kepada Abdullah dalam pentadbirannya yang baru," katanya.

Kelab Pengundi Malaysia yang dianggotai oleh penyokong pelbagai parti politik di negara ini juga memberikan sokongan sepenuhnya kepada kepemimpinan Perdana Menteri dan mahu beliau meneruskan tanggungjawabnya dalam memimpin Malaysia.

BH- 11/3/2008